

Profesional sambut baik

►Langkah k'jaan gubal undang-undang tangani berita palsu

46 2.2.2018 A2

Oleh SADDAM EDRIS

KOTA KINABALU: Golongan profesional di negeri menyambut baik usaha kerajaan mengkaji sekaligus menggubal undang-undang berkaitan penyebaran berita palsu dalam media sosial yang membimbangkan pada masa kini.

Pensyarah Kanan Program Kewartawanan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Haryati Abdul Karim berkata, langkah itu perlu memandangkan masalah penyebaran maklumat secara mudah yang melibatkan fakta palsu sukar ditangani dari segi undang-undang.

“Masyarakat kita yang kadangkala bertindak sebagai penghasil maklumat yang belum disahkan benar, tidak celik media tentang etika




HARYATI



JASNI



LEE



LOKMAN

penyebaran maklumat.

“Sehinggakan, masyarakat lain yang menerima maklumat atau berita di media sosial pula tidak celik media untuk membezakan sama ada maklumat itu benar atau palsu,” katanya ketika dihubungi *Utusan Borneo*, di sini pada Khamis.

Sehubungan itu, Haryati berkata sudah tiba masanya

undang-undang itu digubal ekoran sehingga kini, masyarakat termasuk yang berpendidikan tinggi juga terpedaya dengan maklumat yang disebarluaskan melalui media sosial.

Beliau juga menyarankan agar Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) terus menggiatkan kempen pendidikan kepada

masyarakat mengenai apa itu berita palsu.

“Selain itu, portal sebenarnya.my juga harus disebarluaskan lagi memandangkan laman itu masih tidak diketahui fungsinya oleh orang ramai,” jelasnya.

Presiden Badan Bahasa dan Sastera Sabah (Bahasa) Datuk Jasni Matlani berkata,

sebagai presiden sebuah persatuan penulis yang terbesar di Sabah, beliau sentiasa menyokong apa juga langkah kerajaan untuk menambah baik penggunaan media sosial di negara ini.

Katanya, media sosial sepatutnya digunakan untuk tujuan yang bermanfaat dan membawa kebaikan, namun ia digunakan oleh pihak tertentu untuk menyebarkan berita palsu dan kenyataan yang bertujuan menjatuhkan maruah orang lain.

“Hal ini patut dibendung kerana ia bukan sahaja menjelaskan ukhuwah dalam kalangan masyarakat, tetapi juga menggugat keamanan negara.

“Sudah tiba masanya digubal peruntukan undang-undang tertentu untuk menyekat gejala ini dan

mendidik masyarakat supaya lebih berbudi,” katanya.

Pensyarah Komunikasi UMS yang juga Penyelidik Politik Lee Kuok Tiung berkata, seruan yang wajar di alaf millennium baru ini menyaksikan erti penting telefon pintar dalam rutin harian setiap rakyat Malaysia.

Katanya, berita palsu yang disebarluaskan pastinya mengelirukan masyarakat sekaligus membawa kerugian sama ada duit, harta benda mahu pun kejayaan hidup masing-masing.

“Kita perlu terima hakikat kadar literasi digital dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah, sebab itu ramai yang masih mudah tertipu.

“Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan supaya melindungi orang awam daripada terus ditipu dengan melaksanakan perundangan yang boleh membendung masalah ini daripada terus berlaku,” katanya.

Lee berkata, langkah pengubalan undang-undang itu juga harus disertakan dengan usaha mendidik komuniti alam maya (netizen) supaya lebih bijak memilih dan menggunakan saluran media sosial yang betul.

“SKMM misalnya, perlu ada usaha menjalankan kempen untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi program Klik Dengan Bijak (KDB)/Click Wisely.

“Sebagai - b a i k n y a terdapat silibus dalam mata pelajaran di sekolah yang turut menekankan usaha sedemikian,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Program Seni Kreatif UMS

Dr Lokman Abdul Samad berharap usaha penggubalan itu bukan hanya terhadap penyebaran berita palsu berkaitan politik dan agama, tetapi juga termasuk hal pelbagai melibatkan hak rakyat.

“Misalnya, pemalsuan data dan fakta juga termasuk dalam hal kepentingan awam seperti penipuan dalam pewartaan kandungan bahan pemakanan seperti kandungan gula berlebihan (40%) dalam minuman berkhasiat.

“Malah kerajaan Brunei tidak membenarkan produk minuman kesihatan terbabit memasuki negara berkenaan disebabkan kandungan gula berlebihan.

“Sebagai alternatif, Brunei mengimport produk minuman tenaga dari Australia. Pemalsuan fakta sebegini harus dilabelkan sebagai penyebaran kepalsuan yang paling tinggi kerana boleh mengancam nyawa,” katanya.

Pengerusi Lembaga Pelancongan Sabah Datuk Joniston Bangkuai turut bersetuju supaya mekanisme tertentu dapat diwujudkan bagi mendung penyebaran berita palsu dalam media sosial ekoran ia boleh memberi implikasi negatif kepada masyarakat dan negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini mengatakan bahawa kerajaan akan mengkaji untuk menggubal undang-undang berkaitan penyebaran berita palsu dalam media sosial.

Katanya, penyebaran berita palsu itu bukan sahaja tidak bermoral malah boleh mengancam kestabilan politik serta ketenteraman awam.